



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ هَالِ الْاَهْوَالِ الْاِيسْلَامِيَّةِ نِيسَابَاحْ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

21 REJAB 1445H/ 02 FEBRUARI 2024M

ISRAK MIKRAJ: KEMBARA PENUH HIKMAH

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK :

PEGAWAI PENYEMAK :

ABD. RAZAK BIN HAMDIN

Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA :

DIBACA PADA :

DILULUSKAN OLEH :

ADAM BIN ABDUL HALI
KETUA PENOLONG PENGARAH
Bahagian Penyelidikan Dan Informa
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang
cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

سُبْحَنَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي
بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنَ ءَايَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾ (الإسراء (17):1)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JAMAAH JUMAAT ,SAUDARAKU YANG DIKASIHI ALLAH SWT.

Khatib terlebih dahulu ingin berpesan kepada diri khatib sendiri dan tuan-tuan sekalian agar marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan mentaati segala titah perintah-Nya dan wajib meninggalkan setiap larangan mahupun tegahan-Nya. Pada hari yang mulia ini juga marilah kita perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Khatib hari ini ingin menyampaikan khutbah yang bertajuk ***“ISRAK MIKRAJ, KEMBARA PENUH HIKMAH”***

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Segala pujian kita raffakkan ke hadrat Allah SWT kerana kita masih dikurniakan keafiatan untuk bertemu dan beribadah di rumah-Nya saat ini. Detik ini juga kita telahpun memasuki bulan ke-7 (tujuh) dalam kalendar Tahun Hijrah atau dinamakan sebagai bulan Rejab. Banyak peristiwa yang tercatat dalam bulan ini yang mengesankan jiwa umat

Islam di dunia, seperti Peristiwa Penghijrahan buat kali pertama umat Islam daripada Makkah ke Wilayah Habsyah, tercetusnya Peperangan Tabuk, meninggalnya pengasas Mazhab Syafi'e (Imam Syafi'e) pada tahun 150 Hijrah, Pembebasan Kembali Baitul Maqdis oleh tentera Islam dibawah kepimpinan Sallehuddin al-Ayubi pada tahun 583 Hijrah, dan yang sering kita ingat berlakunya Perjalanan Israk dan Mikraj terhadap Rasulullah SAW.

SAUDARAKU JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Peristiwa ***Israk dan Mikraj*** merupakan peristiwa penting dalam sejarah umat Islam kerana berlaku peristiwa Nabi SAW menerima perintah Allah SWT secara langsung. Menurut **bahasa**, ***Israk*** bermaksud memperjalankan seseorang di waktu malam. Manakala perkataan ***Mikraj*** pula bermaksud laluan ke atas atau tangga yang dilalui Baginda Rasulullah SAW dari Baitulmaqdis ke langit yang pertama dan seterusnya. Manakala disegi **istilah** pula, "***Israk***" merupakan perjalanan Nabi SAW dari Masjidil Haram di Makkah menuju Masjidil Aqsa di Palestin. Seterusnya Istilah bagi kata "***Mikraj***" adalah perjalanan Nabi SAW dari bumi menuju Sidratul Muntaha iaitu langit ketujuh yang merupakan tempat tertinggi. Allah SWT berfirman dalam surah al-Isra' ayat 1 seperti di permulaan khutbah ini :

سُبْحَنَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ ۚ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي
بَرَكْنَا حَوْلَهُ ۚ لِنُرِيَهُ ۚ وَمِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

Yang bermaksud: "Maha Suci Allah yang menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid al-Haram (di Makkah) ke Masjid al-Aqsa (di Palestin), yang kami berkati sekelilingnya untuk memperlihatkan kepadanya tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami.

Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

Sebelum peristiwa Israk dan Mikraj, Nabi SAW ketika berdakwah di Kota Makkah telah diuji Allah SWT dengan kehilangan dua insan tersayang , iaitu isterinya Khadijah Khuwailid dan bapa saudaranya Abu Talib serta mendapat penindasan dari kaum Quraisy. Bagi menghilangkan kedukaan tersebut Allah SWT telah mentakdirkan dengan kuasa dan izin-Nya jua berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj. Peristiwa ulung ini merupakan "*Tasliyah*" yakni hiburan daripada Allah SWT bagi merawat kedukaan Rasulullah SAW sehinggakan tahun tersebut digelar sebagai "Aam al-Huzn" (عام الحزن) bermaksud Tahun Dukacita.

JAMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Kisah perjalanan Baginda Rasul SAW telah menjadi perdebatan sekian lama lantaran ianya disifatkan sebagai menarik adat (satu mukjizat). Peristiwa ini secara langsung menguji keimanan kepada orang yang mengaku beriman kepada Nabi SAW. Ujian keimanan terhadap perkara-perkara ghaib dengan perjalanan yang hanya mengambil masa sebahagian malam tanpa peralatan atau jentera moden yang tidak dapat digambarkan. Namun semua itu bukanlah suatu yang mustahil bagi sifat Allah SWT. Firman Allah SWT menerusi surah al-Isra', ayat 60:

وَإِذْ قُلْنَا لَكَ إِنَّ رَبَّكَ أَحَاطَ بِالنَّاسِ وَمَا جَعَلْنَا الرُّءْيَا الَّتِي أَرَيْنَاكَ إِلَّا فِتْنَةً لِلنَّاسِ وَالشَّجَرَةَ الْمَلْعُونَةَ فِي الْقُرْآنِ وَنُخَوِّفُهُمْ فَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا طُغْيَانًا كَبِيرًا ﴿٦٠﴾

Yang bermaksud : " Dan tiadalah kami menjadikan pandangan (pada malam Mikraj) yang telah kami perlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) melainkan sebagai satu ujian bagi manusia; dan demikian

juga kami jadikan pokok yang dilaknat di dalam al-Quran; dan kami beri mereka takut (yakni dengan pelbagai amaran), maka semuanya itu tidak menambahkan keimanan mereka melainkan dengan kekufuran yang melampau”.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Menelusuri peristiwa Israk dan Mikraj, terdapat 3 peristiwa penting sebagai penanda aras keimanan dan ketakwaan seseorang hamba manusia.

Pertama- *Kewajipan Solat Fardhu Lima Waktu.* Rasulullah SAW telah menerima perintah solat Fardhu secara langsung daripada Allah tanpa melalui perantaraan. Ini menunjukkan bahawa keistimewaan dan kelebihan ibadah solat berbanding ibadah yang lain. Solat merupakan tiang agama, dan ianya merupakan ibadah yang paling mulia berbanding dengan ibadah-ibadah yang lain.

Oleh kerana itulah kewajipan ibadah solat diperintahkan secara langsung kepada Rasulullah SAW tanpa melalui perantaraan daripada Malaikat Jibril AS. Bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis hasan sahih **yang bermaksud:** “ *Pokok segala urusan adalah Islam, tiangnya adalah solat dan kemuncaknya adalah berjihad*” (HR. al-Tirmizi,2616).

Sementara itu pula Dr Yusuf al-Qaradhawi turut berkomentar di dalam bukunya yang bertajuk *a-‘Ibadah fi al-Islam* (العبادة في الاسلام) menyatakan bahawa: “*Solat sangat berbeza dengan ibadah lain kerana ia diturunkan dari langit yang berbeza secara terus daripada Allah SWT. Hanya solat jualah anugerah tertinggi yang mampu menemukan setiap makhluk dengan Khaliqnya (Yang Maha Pencipta) pada hari akhirat nanti.*”

Kedua- *Penghormatan Allah SWT Kepada Rasulullah SAW.* Salah satu kehebatan Allah SWT untuk diperlihatkan kepada hamba-Nya, dimana kesedihan dan keperitan ujian yang dialami oleh Baginda Rasulullah telah diganti dengan suatu perjalanan yang penuh dengan ketakjuban dan diluar kotak pemikiran manusia, sebagai tanda kasih-Nya Allah SWT terhadap Nabi Muhammad SAW. Dan;

Yang Ketiga- *Diperlihatkan setiap balasan perbuatan manusia yang dilakukan di dunia.* Pelbagai peristiwa yang dilihat dan dialami Rasulullah SAW ketika Israk bersama malaikat Jibril memberikan gambaran menyeluruh perihal manusia di muka bumi ini dalam menjalani kehidupan sebagai khalifah Allah SWT.

Ada yang melakukan kebaikan manakala yang lain kekal dalam kemaksiatan. Manusia akan diadili berdasarkan amalan mereka dan menerima balasan yang setimpal daripada Allah berpandukan kepada apa yang dikerjakan. Sesungguhnya, Allah SWT menjanjikan pelbagai kenikmatan yang tidak terhingga bagi mereka yang beriman dan mentaati perintah Allah dan Rasul-Nya. Bahkan bagi golongan yang ingkar juga takkan terlepas daripada balasan dan azab daripada Allah SWT.

Justeru peristiwa Israk dan Mikraj bukanlah cerita dogeng, jauh sekali andai ada yang mendakwa ianya suatu rekaan palsu semata-mata. Ianya telah disebut, dan diisytarkan di dalam al-Quran sepertimana firman-Nya di dalam surah an-Najm, ayat 12 :

أَفْتَمَرُونَهُ عَلَىٰ مَا يَرَىٰ ﴿١٢﴾

Yang bermaksud : *"jika demikian, patutkah kamu hendak membantah nya mengenai apa yang telah dilihatnya itu?".*

Demikianlah antara pelbagai hikmah dan pengajaran yang dikupas dan dihuraikan para ulama dalam meneliti peristiwa Israk dan Mikraj dalam kitab sirah muktabar. Masyarakat Islam sewajarnya mengambil ibrah di sebalik peristiwa ini untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

تک س خطہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهَدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا

كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَها مَولِيا سَري قَادوك بَكيندا يَغْ دَقرتَوان أَكوعُ وَفَخَامَةِ الرَّئيسِ
الأَعلى تَوان يَغْ تَراوتام يَغْ دَقرتَوا نَكري سابَه. وَاجْعَلِ اللّهُمَّ هَذِهِ البَلَدَةَ وَسَائِرَ
بِلادِ المُسْلِمِينَ آمِنَةً مُّطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ الرَّحِيمُ.

اللّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا البَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ المُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com